



“1 MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”

Ruj. Kami : J.PEL.PK.(PKHAS)5012/68/Jld.3( 19 )  
Tarikh : 16 OKTOBER 2013

Guru Besar  
Program Pendidikan Khas Integrasi  
Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas  
(seperti lampiran A)

Tuan,

**KURSUS KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH (KSSR) DAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH (PBS) TAHUN 4 PENDIDIKAN KHAS BERMASALAH PEMBELAJARAN**

Sukacita saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dengan ini dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Perak, telah diarahkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Bahagian Pendidikan Guru untuk melaksanakan kursus berkenaan kepada semua guru pendidikan khas sekolah rendah yang akan mengajar Tahun 4 pada tahun 2014. Kursus tersebut akan dilaksanakan seperti butiran berikut:

Tarikh : 23 hingga 26 Oktober 2013  
Masa : 8.00 pagi hingga 4.00 petang  
Pendaftaran : 7.30 pagi  
Tempat : 1. SK Taman Palma, Kamunting  
2. SJK(T) Methodist, Malim Nawar  
(rujuk perincian di lampiran A)

3. Sehubungan itu, kerjasama daripada pihak tuan adalah dipohon untuk membenarkan pegawai dari sekolah tuan (seperti di lampiran) untuk hadir ke kursus berkenaan.

4. Pegawai tuan layak membuat tuntutan perjalanan berdasarkan pekeliling kewangan yang sedang berkuatkuasa sekarang dengan menggunakan peruntukan vot **B14 211 221000 040105 21000 (KSSR & PBS TAHUN 4 2013)** di daerah masing-masing. Semasa menghadiri kursus, pegawai tuan diminta supaya mematuhi Pekeliling Bil. 2 tahun 1985 tentang peraturan pakaian yang telah ditetapkan pada masa bekerja.

5. Untuk melicinkan perjalanan kursus, peserta dipohon membawa bersama-sama barangan keperluan seperti berikut:

- i. Komputer riba dan *pen drive* - penjagaan adalah di bawah tanggungjawab sendiri;
- ii. Pakaian sukan, kasut sukan dan berstokin bagi mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan;
- iii. Salinan surat panggilan kursus dan salinan buku akaun bank bagi tujuan tuntutan perjalanan; dan
- iv. Dokumen Standard Kurikulum Prestasi dalam bentuk *hardcopy* atau *softcopy*

6. Sebarang pertanyaan, pihak tuan boleh menghubungi **Pn. Siti Suhaida binti Md Hambari (Penyelia Pendidikan Khas)** di talian **05-5015014**.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**( AZNAN BIN HAJI ALIAS )**

Ketua Sektor

Sektor Pendidikan Swasta dan Pendidikan Khas

b.p. Pengarah Pendidikan Perak

s.k. 1. Timbalan Pengarah Pendidikan Perak